

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T di atas kurniaan dan rahmat-Nya, selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga Baginda juga sahabat-sahabat Baginda Ridwan Allah ‘Alaihim. Segunung kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T di atas pemberian-Nya yang tidak terhitung luas beserta rahmat dan kasih sayang-Nya sehingga sempurnalah desertasi ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ini ditujukan khas buat penyelia, Dr. Sedek bin Ariffin di atas panduan, tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan sehingga penulis berjaya menyempurnakan desertasi ini dengan jayanya. Semoga Allah S.W.T mengurniakan kebaikan dan rahmat buatnya. Begitu juga buat semua pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di atas segenap ilmu yang dicurahkan, hanya Allah S.W.T yang dapat membalas segala kebaikan kalian.

Tidak lupa jutaan ribuan terima kasih dirakamkan kepada pihak Universiti Malaya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Darul Quran, Jakim di atas ruang dan peluang yang diberikan ini sehingga melayakkan penulis menyambung pengajian di peringkat sarjana.

Terima kasih juga diucapkan kepada pengasas teknik Al-Baghdadi iaitu Ustaz Jalaluddin bin Hassanuddin di atas keizinan beliau untuk penulis menjalankan kajian terhadap teknik Al-Baghdadi. Juga kepada pihak Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur dan Al-Baghdadi Training Centre, Setiawangsa, Kuala Lumpur di atas kesudian dan layanan baik yang diberikan sepanjang penulis menjalankan kajian.

Tidak dilupakan ribuan terima kasih kepada suami tersayang Zulkifli bin Jamil di atas kesetiaan, dorongan, pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan selama ini. Doa

penulis semoga kasih sayang yang terbina berkekalan selamanya di samping permata hati tersayang; Nur Muhammad, Muaz dan Nuha.

Sekali-kali penghargaan terima kasih tidak akan penulis lupakan untuk ditujukan kepada ayahanda dan bonda yang disayangi; Md Zin bin Md Sarif dan Allahyarhamah Maisom binti Hj. Musa di atas segala jasa, kebaikan dan pengorbanan yang telah diberikan selama ini. Doa penulis semoga Allah menempatkan keduanya di maqam yang terbaik di dalam jannah-Nya. Amin.

Turut tidak dilupakan buat teman-teman Nor Syaidah binti Bahri, Siti Nuryanty binti Muzaini dan Anis Syazwani binti Mohd. Hafis serta rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam memberikan semangat dan dorongan buat diri ini. Semoga Allah S.W.T mengasihi dan menyayangi kalian. Amin Ya Rabb al-Alamin.

Norsyida Binti Md Zin  
(IGB 110098)

Jabatan Qur'an dan Hadith,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur .

No.27 Jalan Kemboja 4A/14,  
BS 8, Bukit Sentosa 3,  
48300 Rawang,  
Selangor.  
013-6154903